

01 OCT 2000

Haji-Pengalaman

PERSIDANGAN HAJI BERI PENGALAMAN BERHARGA KEPADA UMAT ISLAM

Oleh: Abdul Halim Taib

KUALA LUMPUR, 1 Okt (Bernama) -- Persidangan Antarabangsa Panduan Haji yang pertama di sini adalah satu forum penting untuk bertukar-tukar pengalaman bagi negara-negara terbabit dalam menyiapkan umat Islam agar lebih bersedia daripada segi fizikal dan mental untuk menunaikan ibadat haji.

Beberapa ketua perwakilan dari negara-negara yang menghadiri persidangan itu melahirkan keyakinan bahawa melalui muktamar seperti ini umat Islam akan lebih yakin untuk mendapatkan haji mabrur serta menghadapi masalah lain yang lebih mencabar pada masa depan.

Persidangan anjuran Kementerian Haji Arab Saudi dan Tabung Haji itu disertai kira-kira 150 perwakilan dari 52 buah negara. Persidangan tiga hari itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

Para perwakilan itu rata-rata berpendapat bahawa pengalaman penduduk dunia, termasuk dari negara-negara yang mempunyai minoriti Islam, yang mencakupi pelbagai budaya dan latar belakang harus dikongsi bersama.

Menteri Hal Ehwal Agama Indonesia Muhammad Talhah Hasan berkata, setiap negara mempunyai pengalaman tersendiri dan dalam hubungan itu sudah pasti ia ada persamaan dan perbezaannya.

Beliau berkata Malaysia akan menceritakan tentang pengalaman mengenai kajayaan Tabung Haji manakala Indonesia pula berkongsi pengalaman bagaimana untuk mengendalikan jumlah jemaah yang begitu banyak pada setiap musim haji.

Katanya setiap tahun antara 180,000 orang hingga 300,000 orang umat Islam dari Indonesia akan menunaikan haji dan ia sudah pasti menimbulkan banyak masalah.

Beliau berkata mengendalikan jemaah haji di Indonesia agak rumit kerana ia bukan sekadar berkaitan masalah agama tetapi membabitkan masalah sosial pengurusan jemaah, penerbangan, kewangan, kesihatan dan lojistik.

Muhammad Talhah berkata memandangkan rakyat Indonesia yang begitu ramai pembahagian dibuat melalui tiga wilayah iaitu Sumatra/Batam, Jawa dan Balik Papan/Makasar.

Sikap jemaah haji Indonesia yang mahu tinggal di kawasan berdekatan dengan Masjidil Haram dan Masjid Nabawi juga menyulitkan tugas pihak berkuasa dan selaras dengan itu, pihak pentadbir haji menetapkan tiga zon iaitu 500 meter, 1,000 meter dan lebih 1,000 meter dari kawasan terbabit dengan pembayaran yang berbeza.

Muhammad Talhah berkata kira-kira 200,000 jemaah akan menunaikan ibadat haji pada musim haji yang akan datang dan perbelanjaannya dianggarkan antara 19 juta rupiah hingga 23 juta rupiah.

Menteri Hal Ehwal Agama Brunei Darussalam, Syed Mohamad Zain Had Sairuddin pula berkata persidangan seumpama itu perlu diadakan dari semasa ke semasa memandangkan jumlah jemaah yang semakin meningkat ke Mekah sehingga menjadikan suasana lebih kompleks.

Beliau berterima kasih kepada kerajaan Arab Saudi dan Tabung Haji Malaysia kerana menganjurkan persidangan itu.

Katanya, di Brunei cara pengendalian haji tidak begitu sukar kerana ia tidak membabitkan bilangan yang ramai iaitu sekadar 2,000 orang setiap tahun.

Syed Mohamad Zain berkata, kuota jemaah haji bagi Brunei setiap tahun ialah 3,000 orang dan jumlah kuota ini jarang digunakan sepenuhnya.

Katanya, yang lebih penting ialah bagaimana untuk menyiapkan jemaah supaya lebih bersedia untuk melaksanakan tanggungjawab dengan baik.

Sementara itu, Othman Haron Eusofe, Menteri Negara bagi Kementerian Sumber Manusia Singapura berkata persidangan seumpama itu sangat penting

bagi republik itu.

Beliau berkata tugas mengendalikan ibadah haji di Singapura adalah di bawah bidang kuasa Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS).

Katanya memandang jumlahnya yang tidak ramai, urusan pengendalian juga tidak rumit dan kuota pemergian haji bagi Singapura ialah di sekitar 4,500 orang pada setiap tahun.

Beliau berkata urusan penerbangan jemaah haji di republik itu dikendalikan oleh syarikat swasta yang diawasi oleh MUIS.

Sementara itu, ketua perwakilan Thailand, Mahadi Wimana berkata sebagai kumpulan minoriti Islam, Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) tidak pernah menetapkan kuota bagi mereka (untuk menunaikan ibadah haji).

Beliau berkata jumlah mereka yang menunaikan haji berubah-ubah pada setiap tahun bergantung kepada keadaan.

Mahadi, yang juga penasihat kepada menteri luar Thailand, berkata purata kira-kira 5,000 umat Islam dari negara itu menunaikan haji pada setiap tahun tetapi ada kalanya ia meningkat kepada 25,000 orang.

Empat juta daripada 60 juta rakyat Thailand beragama Islam, katanya.

Mahadi berkata persidangan itu sangat berfaedah kepada umat Islam di Thailand.

Pada masa ini bakal haji hanya diberikan kursus orientasi satu hari dan beliau mengakui bahawa tempoh itu tidak memadai untuk memperlengkapkan bakal-bakal haji yang akan menunaikan ibadah haji.

Mengenai rakyat Malaysia yang pergi ke Mekah menerusi pakej penerbangan di Thailand, beliau berkata tindakan boleh diambil terhadap mana-mana pengusaha Thailand yang menjual pakej haji mereka kepada orang asing.

-- BERNAMA

HT HT AKD